

Praktis ke arah PT3

Bahagian A

Pilih jawapan yang paling tepat.

7.1 Tamadun India

- 1 Apakah yang membezakan kedua-dua tokoh berikut?

140



Chandragupta Maurya



Asoka

- A Raja Dinasti Maurya
B Bentuk perluasan kuasa
C Membina empayar besar
D Menggunakan gelaran maharaja

- 2 Pilih faktor perluasan kuasa dalam Tamadun India.

141

- I Kewangan
II Sumber manusia
III Diplomasi politik
IV Kekuatan pemerintahan
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

- 3 Maklumat berikut berkaitan dengan zaman pemerintahan Dinasti Maurya.

144

Selepas Perang Kalinga, Asoka menghentikan sebarang usaha perluasan kuasa secara fizikal.

Mengapakah Asoka berbuat demikian?

- A Menjadi maharaja yang popular
B Bagi menjamin ekonomi negara
C Mengembangkan agama Buddha
D Mewujudkan pentadbiran berkesan

- 4 Apakah faktor kejayaan Chandragupta Maurya meluaskan kuasa pemerintahannya?

143

- A Memperoleh sokongan pembesar
B Kekukuhan hubungan perdagangan
C Memiliki angkatan tentera yang besar
D Melaksanakan undang-undang yang tegas

- 5 Ketiga-tiga dinasti berikut memilih lokasi yang sama sebagai pusat pemerintahan empayar.

MS Teks 142

- Dinasti Nanda
- Dinasti Maurya
- Dinasti Gupta

Apakah nama lokasi tersebut?

- A Mathura
B Pataliputra
C Vidisha Mathura
D Pundravardhana

- 6 Peraturan dan undang-undang semasa pemerintahan Asoka diukir pada Tiang Asoka. Mengapakah Tiang Asoka diletakkan di kawasan yang strategik?

MS Teks 144

- A Sebagai tanda sempadan wilayah
B Supaya dibaca dan dipatuhi rakyat
C Sebagai amaran kepada pembesar
D Supaya pendatang luar mematuhi

- 7 Maklumat berikut berkaitan dengan seorang pemerintah Gupta.

MS Teks 145

Raja Samudragupta dikenali sebagai *Kaviraja*.

Mengapakah beliau diberikan gelaran tersebut?

- A Menggubal undang-undang dan peraturan
B Meminati puisi-puisi berbentuk keagamaan
C Meluaskan empayar meliputi seluruh India
D Mengembangkan sektor perdagangan antarabangsa

7.2 Tamadun China

- 8 Mengapakah Lembah Sungai Huang He sesuai dijadikan pusat kerajaan?

MS Teks 146

- A Kawasan subur
B Kawasan perdagangan
C Keperluan bahan makanan
D Terlindung daripada musuh

- 9 Dinasti Qin muncul sebagai kerajaan paling utama di China semasa pemerintahan Maharaja Shi Huangdi.

MS Teks 146

Di manakah pusat pemerintahan dinasti tersebut?

- A Loyang
B Anyang
C Xianyang
D Dunhuang

- 10 Siapakah yang mengasaskan Dinasti Han?
 A Raja Zheng
 B Maharaja Gaozu
 C Maharaja Han Wu Di
 D Maharaja Shi Huangdi


- 11 Konfusius merupakan ahli falsafah yang hidup pada zaman Dinasti Zhou dan ajarannya terus kekal hingga kini.
 Apakah karya beliau yang paling terkenal?
 A Lun Yu
 B Chun Glu
 C Shang Shu
 D Zhong Yong

- 12 Sistem pendidikan dalam Tamadun China berkembang maju pada zaman Dinasti Qin dan Dinasti Han.
 Apakah faktor perkembangan tersebut?
 I Sistem tulisan diseragamkan
 II Teknologi pembuatan kertas meningkat
 III Teknik mencetak kitab dan buku falsafah dimajukan
 IV Pembinaan sekolah dan universiti di setiap wilayah dan ibu kota
 A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV

- 13 Pendidikan menekankan aspek pemahaman perundangan yang diasaskan oleh Han Fei Zi semasa zaman Dinasti Qin.
 Apakah asas perundangan tersebut?
 A Mengutamakan ketegasan undang-undang
 B Menekankan tatasusila dan kesopanan rakyat
 C Mementingkan keprihatinan masyarakat terhadap golongan miskin
 D Mengukuhkan kuasa golongan feodal dalam mengawal golongan bawahan

- 14 Maharaja Shi Huangdi merupakan tokoh terkenal dalam Tamadun China.
 Apakah sumbangan beliau dalam perkembangan pendidikan dalam Tamadun China?
 A Mencipta kertas
 B Menyeragamkan sistem tulisan
 C Menekankan aspek pemahaman perundangan
 D Melaksanakan sistem pemilihan pegawai perkhidmatan awam

- 15 Rajah berikut merujuk kepada struktur masyarakat dalam Tamadun China.



Mengapakah masyarakat Cina meletakkan golongan sarjana pada status yang paling tinggi?

- A Merupakan arahan maharaja
 B Membentuk masyarakat berilmu
 C Merupakan matlamat pendidikan
 D Meningkatkan tradisi budaya masyarakat

- 16 Apakah matlamat sistem pendidikan Tamadun China?

- I Memilih pemerintah kerajaan
 II Memupuk nilai moral dan etika
 III Lulus peperiksaan perkhidmatan awam
 IV Membezakan rakyat dengan golongan hamba
 A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV

- 17 Sistem pendidikan dalam Tamadun China mempunyai tiga peringkat.

- Apakah yang dipelajari pada peringkat tinggi?
 I Menulis karangan
 II Menghafal buku suci
 III Menterjemah buku suci
 IV Pembelajaran berkaitan etika upacara
 A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV

- 18 Mengapakah seseorang itu perlu rajin berusaha untuk lulus dalam peperiksaan perkhidmatan awam dalam Tamadun China?

- I Supaya dilantik menjadi panglima tentera
 II Supaya berada pada hierarki teratas dalam masyarakat
 III Supaya mendapat kedudukan dan pangkat tinggi dalam pentadbiran
 IV Supaya berpeluang menceburi dalam bidang perdagangan antarabangsa
 A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV